0239

U 8964 DEB

GHAFAR - PM

KUALA KELAWANG, 25 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA HARI INI MENAFIKAN DESAS-DESUS KONONNYA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MELETAKKAN JAWATANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI SELEPAS PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL NANTI.

KATANYA, BELIAU TIDAK PERNAH MENDENGAR MENGENAI PERKARA ITU DAN INILAH KALI PERTAMA BELIAU MENDENGARNYA.

PERDANA MENTERI DIJANGKA KEMBALI DARIPADA PERCUTIAN DI LUAR NEGERI SELAMA TIGA MINGGU PADA MINGGU DEPAN DAN KEMBALI BERTUGAS SEPERTI BIASA, KATA ENCIK GHAFAR KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS TAKLIMAT PEMBANGUNAN DAERAH JELEBU DI BILIK GERAKAN KOMPLEKS PEJABAT DAERAH DI SINI PETANG INI.

ENCIK GHAFAR BERADA DI SINI KERANA MENGADAKAN LAWATAN KERJA SEHARI KE JELEBU.

BELIAU KEMUDIAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAN PEMIMPIN MASYARAKAT TEMPATAN DI DEWAN MAJLIS DAERAH JELEBU DI SINI.

PAGI INI ENCIK GHAFAR MELANCARKAN MINI SEMARAK DUA KAWASAN PARLIMEN JELEBU DI PUSAT LATIHAN PERTANIAN SUNGAI CHERMAI DI JEMPOL. SEBELUM MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PERGERAKAN PEMUDA DAN JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN JELEBU DI TEMPAT YANG SAMA. -- BERNAMA.

1922MST 25 03 89